

ASMIN EXPECTORANT

Salbutamol sulphate/Guaiphenesin (1mg/50mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Asmin Expt*
2. Bagaimana *Asmin Expt* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Asmin Expt*
4. Cara menggunakan *Asmin Expt*
5. Semasa menggunakan *Asmin Expt*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Asmin Expt*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Asmin Expt*

Ia digunakan untuk melegakan batuk berkahak berhubung dengan lelah, bronkitis, dan penyakit paru-paru yang lain.

Bagaimana *Asmin Expt* berfungsi

Salbutamol ialah simpatomimetik yang bertindak secara langsung dan khusus pada reseptor di paru-paru bagi melegakan otot-otot paru-paru. Ini seterusnya melegakan kekejangan saluran paru-paru dan mengurangkan halangan pada saluran udara. Guaifenesin pula mengurangkan kahak dengan mencairkan kahak pekat supaya senang disingkirkan.

Sebelum menggunakan *Asmin Expt*

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil *Asmin Expt* jika alergik kepada salbutamol sulfat.

Sebelum menggunakan *Asmin Expt*

Beritahu doktor sebelum memulakan rawatan:

- jika terdapat masalah jantung.
- jika terdapat penyakit darah tinggi.
- jika terdapat penyakit kencing manis.
- jika terdapat kelenjar tiroid yang terlalu aktif mengakibatkan peningkatan selera makan, kehilangan berat badan atau berpeluh.
- jika terdapat tumbuhan kelenjar adrenal.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Penggunaan bersama dengan glukokortikoid adrenokortikoid mungkin meningkatkan penyingiran metabolismik adrenokortikoid: pengubahan dos glukocorticoid diperlukan. Ubat bronkodilator – rencatan bersama kesan terapeutik ubat. Dengan glukosida digitalis, peningkatan risiko denyutan jantung tak beritma. Penggunaan bersama xanthin mungkin meningkatkan rangsangan sistem saraf pusat dan kesan ketigihan yang lain.

Cara menggunakan *Asmin Expt*

Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: Oral, 2 – 4 camca teh dua hingga tiga kali sehari, atau ikut arahan doktor. Jumlah dos harian tidak melebihi 130ml. Kanak-kanak: 2 to 5 tahun: oral, 1 – 2 camca teh dua hingga tiga kali sehari, atau ikut arahan doktor. 6 - 12 tahun: oral, 2 camca teh dua hingga tiga kali sehari, atau ikut arahan doktor.

Bila perlu digunakan

Ambil *Asmin Expt* mengikut arahan oleh doktor

Berapa lama perlu digunakan

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

Jika terlupa menggunakan

Jangan mengambil dos berganda sebagai gantian dos yang terlepas.

Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera. Tanda-tanda terlebih dos termasuk denyutan jantung cepat yang berterusan, ketidaksesuaian atau kesakitan dada, pening, peningkatan tekanan darah, loya atau muntah, menggigil atau keresahan luarbiasa.

Semasa menggunakan *Asmin Expt*

Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Pengambilan ubat mestilah seperti yang diarahkan.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Beritahu doktor jika lau hamil atau penyusuan semasa rawatan, *Asmin Expt* tidak boleh diambil tanpa arahan doktor.

Kesan-kesan sampingan

Denyutan jantung cepat yang berterusan, loya, ketakutan atau keresahan, tremor otot rangka (terutamanya tangan), palpitasi, kejang otot, sakit kepala dan ketidaksesuaian gastrousus mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan *Asmin Expt*

Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan dari kanak-kanak.

Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang ingin dibuang.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Sirap berperisa ceri tanpa warna.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: salbutamol sulfat dan guaifenesin
- Bahan tidak aktif: metilparaben, propilparaben, natrium sakarin, propilen glikol, alkohol 95%, sorbitol 70%, perisa ceri, glukos cair, air dan sirap.

Nombor MAL

MAL19930049AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

13-04-2023

Nombor siri

NPRA(R2/1)230412/1044